

## PERASMIAN PPR TEKEK MAKMUR, PULAU TIOMAN, PAHANG



Majlis Perasmian PPR Tekek Makmur, Pulau Tioman, Pahang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 20 Julai 2017. Yang turut hadir semasa majlis ialah YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob (Menteri Besar Pahang), YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Hassan bin Ariffin (Ahli Parlimen Rompin), YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri Pahang), YB Dato' Haji Mohd Johari bin Hussain



(ADUN Tioman) dan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

PPR Tekek Makmur ini menyediakan 116 unit rumah jenis kluster setingkat dengan tiga (3) bilik dan dua (2) bilik air dan dilengkapi dengan kemudahan padang permainan, kedai dan gerai. PPR yang dibina di atas kawasan seluas 3.288 hektar dengan kos RM47 juta ini mula dibina pada Julai 2012 dan siap sepenuhnya Ogos 2015.

PPR disediakan untuk memberi kemudahan kediaman kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan setiap daripada mereka yang terpilih untuk memiliki unit rumah di PPR Tekek Makmur ini hanya perlu membayar RM35,000.00 berbanding



kos pembinaan iaitu sebanyak RM403,000.00. Projek ini mencatat sejarah sebagai projek PPR yang mendapat subsidi paling banyak daripada kerajaan yang mana kerajaan memperuntukkan subsidi sebanyak RM395,000.00 (92 peratus ) kepada seramai 116 orang pembeli rumah.

Daripada keseluruhan 116 orang pembeli, 63 orang pembeli yang mempunyai masalah pembiayaan telah diberikan kemudahan 'Sewa dan Beli'.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT